

# Bazar Ramadan UMS buka peluang perniagaan kepada pelajar

UB 27.5.2018 A16

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Fama Negeri Sabah sekali lagi menganjurkan Bazar Ramadan UMS yang bermula sejak 17 Mei sehingga 14

Jun 2018, di Padang Kawad UMS.

Ia antara lain bertujuan memberi kemudahan kepada warga UMS yang berpuasa terutamanya pelajar dan kakitangan.

Selain itu, kewujudan bazar ini juga membuka peluang perniagaan kepada pelajar yang berminat dalam bidang keusahawanan.

Sebanyak 41 gerai mengambil bahagian

merangkumi 21 gerai pelajar dan 20 gerai peniaga luar dengan jualan pelbagai menu hidangan dan juadah berbuka puasa.

Usaha itu juga adalah bagi memupuk nilai

keusahawanan dalam kalangan pelajar dan masyarakat seperti bersifat jujur dalam setiap kegiatan jual-beli yang dijalankan serta memberikan khidmat yang terbaik kepada semua.

Pada dazar itu, Fama menyelaraskan peniaga luar manakala Bahagian Latihan dan Pembangunan Keusahawanan (BLPK) Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), UMS menyelaraskan

penyertaan mahasiswa.

Pihak Fama turut menyediakan kanopi dan meja kepada pelajar yang berniaga selain bersama-sama BLPK memantau perjalanan dan harga makanan di bazar tersebut dari semasa ke semasa.

Majlis pelancarannya disempurnakan oleh Ketua JHEP, Ahmad Nurdin baru-baru ini mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.

Pelancaran itu turut disaksikan Pengarah Fama Sabah, Haji Ribin Wahid; Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Sabah, Dato' Sazali Salbi dan Ketua BLPK UMS, Dr. Bonaventure Boniface.

Turut diadakan pengagihan bubur lambuk secara percuma kepada pelajar, kakitangan dan orang ramai yang berkunjung ke bazar berkenaan.

**AHMADI** (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Haji Ribin (kanan) sambil disaksikan Dr. Bonaventure (tengah).



GAMBAR kenang-kenangan selepas pelancaran disempurnakan Ahmadi (tiga kanan). Turut kelihatan Haji Ribin (tepi kiri) dan Sazali (empat kanan).

